

**NOTA PERCAKAPAN  
MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**PENGUMUMAN PENENTUAN HARGA MAKSIMUM  
BARANGAN HARGA TERKAWAL  
SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN HARI RAYA PUASA, PESTA  
KAAMATAN DAN HARI GAWAI 2019**

---

1. Sebagai Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup yang meningkat pada masa kini, banyak langkah-langkah telah dilakukan bagi memastikan harga barangan adalah berpatutan dan stabil.
  
2. Sehubungan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang rapi sepanjang masa dalam memastikan kestabilan harga barang di pasaran.

Antara tindakan-tindakan yang telah diambil adalah:

- i. menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga;
  
- ii. menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual atau mempamerkan senarai harga;

- iii. melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan** bagi mengawal harga barang keperluan musim perayaan tertentu semasa musim-musim perayaan utama dalam negara;

3. Justeru itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) **Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai** sebagai langkah untuk menyekat kenaikan harga barangan keperluan menjelang perayaan yang akan disambut.

4. Hari Raya Puasa dijangka akan disambut pada 5 Jun 2019 diseluruh negara. Sehubungan itu, tarikh kuat kuasa Skim ini adalah dari 21 Mei hingga 19 Jun 2019 iaitu selama 30 hari.

5. Manakala Perayaan Pesta Kaamatan akan disambut di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 30 dan 31 Mei 2019 dan Hari Gawai disambut di Sarawak pada 1 dan 2 Jun 2019. Sehubungan itu, **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Pesta Kaamatan 2019** akan dilaksanakan **bermula dari 23 Mei hingga 5 Jun 2019** dan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Gawai 2019** akan **bermula dari 25 Mei hingga 7 Jun 2019 iaitu selama 14 hari.**

6. Tempoh kuat kuasa bagi SHMMP Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai pada tahun ini **dilanjutkan tempoh pelaksanaannya** selama **30 hari bagi SHMMP Hari Raya Puasa iaitu selama 15 hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan 14 hari selepas hari perayaan berbanding 15 hari pelaksanaannya sebelum ini.** Manakala selama 14 hari bagi

SHMMP Pesta Kaamatan dan Hari Gawai iaitu selama 7 hari sebelum, pada hari perayaan dan 6 hari selepas hari perayaan berbanding 7 hari pelaksanaannya sebelum ini.

7. Kementerian ini telah mengenal pasti sebanyak **27 jenis barangan** bagi pelaksanaan **SHMMP Hari Raya Puasa 2019** berbanding 21 jenis barangan sebelum ini. Bagi pelaksanaan skim pada tahun ini, terdapat perubahan barangan berbanding pelaksanaan pada tahun 2018 iaitu ikan segar beku kembung, ikan segar beku selar, ikan segar beku selayang, kacang panjang, kacang tanah dan cili kering dimasukkan pada pelaksanaan skim tahun ini. Manakala sebanyak 14 jenis barangan bagi pelaksanaan SHMMP Pesta Kaamatan dan Hari Gawai berbanding 13 jenis barangan sebelum ini iaitu melibatkan penambahan barangan cili kering.

8. Kesemua barangan ini mendapat permintaan yang tinggi oleh masyarakat yang menyambut perayaan, oleh itu kawalan harga dibuat ke atas barangan ini bagi menstabilkan harga dan bekalannya di pasaran.

9. Senarai harga barangan harga terkawal bagi SHMMP HARI RAYA PUASA, PESTA KAAMATAN dan HARI GAWAI adalah seperti berikut:

Harga Maksimum Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2019 Bagi Seluruh Semenanjung				
Bil	Barangan	Unit	Harga (RM)	
			Borong	Runcit

1	Ayam hidup	1kg	5.70	6.20
2	Ayam standard	1kg	6.70	7.50
3	Ayam super	1kg	7.50	8.40
4	Telur ayam gred A	sebiji	0.38	0.40
5	Telur ayam gred B	sebiji	0.37	0.39
6	Telur ayam gred C	sebiji	0.36	0.38
7	Daging lembu tempatan	1kg	32.00	34.00
8	Daging lembu import	1 kg	*Dikawal Di Sarawak Sahaja	
9	Daging kerbau import (India)	1kg	18.00	20.00
10	Cili kering	1kg	14.00	16.00
11	Tomato	1kg	2.50	3.50
12	Kubis bulat import (Indonesia dan China kecuali jenis Beijing)	1kg	2.00	3.00
13	Kacang panjang	1kg	7.00	9.00
14	Kacang tanah	1kg	7.00	8.00
15	Kelapa biji	Sebiji	1.90	-
16	Kelapa parut	1 kg	-	7.20
17	Bawang merah kecil (India)	1 kg	4.50	5.50
18	Bawang besar import	1 kg	2.00	3.00

19	Bawang putih (China)	1 kg	6.00	7.00
20	Ubi kentang import (China)	1 kg	2.00	3.00
21	Ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram)	1 kg	12.00	14.00
22	Ikan selayang (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram)	1 kg	7.00	9.00
23	Ikan aya atau tongkol (berat antara 1 ekor hingga 2 ekor setiap kilogram) <b>*dikawal di Pahang, Terengganu dan Kelantan Sahaja</b>	1 kg	8.00	10.00
24	Ikan Demudok / Sagai / Cermin/ Cupak (berat antara 3 ekor hingga 5 ekor setiap kilogram)	1 kg	*Dikawal Di Sabah Sahaja	
25	Ikan segar beku kembung	1kg	-	10.00
26	Ikan segar beku selar	1kg	-	10.00
27	Ikan segar beku selayang	1kg	-	9.00

**Harga Maksimum Skim Harga Maksimum Musim Perayaan  
Pesta Kaamatan 2019  
Bagi Sabah**

Bil	Barangan	Unit	Harga (RM)	
			Borong	Runcit
1	Ayam hidup	1 kg	5.90	6.60
2	Ayam standard	1 kg	8.50	9.50
3	Ayam super	1 kg	8.70	9.70
4	Kepak ayam	1 kg	10.00	11.00
5	Telur ayam gred A	sebiji	0.39	0.41
6	Telur ayam gred B	sebiji	0.38	0.40
7	Telur ayam gred C	sebiji	0.37	0.39
8	Daging Kerbau Import (India)	1kg	20.00	21.00
9	Bawang merah kecil (India)	1kg	6.00	7.00
10	Bawang putih (China)	1kg	6.00	7.00
11	Cili kering	1kg	16.00	18.00
12	Babi hidup (dikawal peringkat ladang)		11.00	
13	Daging babi (perut)	1 kg	20.00	22.00
14	Daging babi (daging dan lemak)	1 kg	18.00	20.00

**Harga Maksimum Skim Harga Maksimum Musim Perayaan  
Hari Gawai 2019  
Bagi Kuching, Sarawak**

Bil	Barangan	Unit	Harga (RM)	
			Borong	Runcit

1	Ayam hidup	1 kg	6.00	6.70
2	Ayam standard	1 kg	7.60	8.50
3	Ayam super	1 kg	8.50	9.50
4	Kepak ayam	1 kg	11.00	12.00
5	Ayam tua hidup	1 kg	7.10	7.90
6	Telur ayam gred A	sebiji	0.37	0.39
7	Telur ayam gred B	sebiji	0.36	0.38
8	Telur ayam gred C	sebiji	0.35	0.37
9	Bawang putih (China)	1 kg	6.00	7.00
10	Kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk Kubis Beijing)	1kg	3.00	4.00
11	Cili kering	1kg	16.00	17.00
12	Babi hidup (dikawal peringkat ladang)	1 kg	10.00	
13	Daging babi (Perut)	1 kg	17.50	19.50
14	Daging babi (daging dan lemak)	1 kg	16.50	18.50

10. Penentuan harga maksimum **pengeluar, borong dan runcit dibuat mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan kawalan harga yang lebih berkesan untuk memastikan harga yang berpatutan bagi manfaat pengguna dan peniaga.**

11. Penentuan harga barangan bagi negeri-negeri dibuat mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan

harga, khususnya bagi barangan import yang dipengaruhi harga di negara asal, perubahan kadar tukaran mata wang dan peningkatan kos utiliti penternak.

12. Bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, **tindakan pengeluaran notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dilaksanakan** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara.

13. Adalah diingatkan bahawa **tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini.** Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

(i) **Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:**

(a) **Individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan

(b) **Syarikat;** boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;

(ii) **kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah**

**jambu** bagi barangan harga terkawal:

- (a) **individu**; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
- (b) **syarikat**; boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

14. Saya juga ingin memaklumkan bahawa **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani** akan bekerjasama membuat pemantauan untuk memastikan bekalan barangan adalah mencukupi dan memastikan harga dipasaran adalah berpatutan. Disamping itu, **Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** akan berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasaraya untuk **menjalankan pemeriksaan dan pemantauan**. Langkah-langkah ini mencerminkan usaha berterusan bagi **melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika semasa musim perayaan**.

15. Kementerian turut memperkukuhkan pemantuan harga dengan mengadakan kerjasama bersama pelbagai pihak, antara lain:

- i. **Pegawai Pemantau Harga** yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah Kementerian;
- ii. ***Friends Of KPDNHEP (FOK)*** yang merupakan mata dan telinga

Kementerian. Kementerian akan bekerjasama dengan Pengguna yang menyertai program ini bagi menyebarkan maklumat berhubung kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang; dan

- iii. **Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan** lain serta penglibatan **penghulu dan pegawai** dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan.

16. Selain itu, Kementerian telah menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga. **Kementerian** turut mewujudkan **Skwad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dalam usaha untuk **menangani aduan** rakyat dengan lebih berkesan.

17. Justeru itu, saya ingin tekankan bahawa **peniaga** hendaklah mematuhi arahan yang dikenakan dan mengamalkan sikap beretika dalam menguruskan perniagaan manakala **pengguna** mestilah mengetahui tanggungjawab dan menggunakan hak mereka. Disamping itu, ingin saya ingatkan agar **Pengeluar, Pemborong dan Peruncit** tidak menaikkan harga secara mendadak selepas berakhirnya pelaksanaan Skim ini. Skim ini akan berjaya sekiranya semua pihak bertanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing.

18. Jika didapati ada **peniaga** yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan skim ini, **pengguna boleh menyalurkan aduan** kepada Kementerian ini melalui:

- (i) Portal [e-aduan@kpdnhep.gov.my](mailto:e-aduan@kpdnhep.gov.my)
- (ii) **Call Centre 1800 886 800**
- (iii) Emel [\*\*e-aduan@kpdnhep.gov.my\*\*](mailto:e-aduan@kpdnhep.gov.my)
- (iv) aplikasi telefon pintar **Ez ADU**
- (v) **Enforcement Command Centre (ECC) 03-8882 6245 / 6088**
- (vi) talian 03-8000 8000 **Malaysia Government Call Centre (MYGCC)**
- (vii) Whatsapp ke **019- 279 4317**
- (viii) lapor/hadir ke mana-mana 73 buah pejabat KPDNHEP di seluruh negara.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna Putrajaya